



اونيفورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERIAN
MAKLUMAT UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**

Disediakan oleh:

Unit Integriti dan Pematuhan

UMPSA

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

1. Penyataan Polisi

- 1.1 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) komited dalam menjalankan pentadbiran mengikut piawaian integriti yang tertinggi serta bersifat terbuka yang menyokong ketelusan dalam setiap aspek termasuk dalam aspek membuat keputusan dan tata tertib.
- 1.2 Selaras dengan nilai-nilai di atas, UMPSA menggalakkan semua staf dan pelajar untuk melaporkan segala salah laku dan kelakuan yang tidak wajar yang berlaku atau pun yang akan berlaku dalam kalangan staf dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan Universiti supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.
- 1.3 Polisi ini memberikan kemudahan dan perlindungan kepada individu yang melaporkan salah laku dan kelakuan tidak wajar yang mana segala butiran berkenaan dengan laporan dan pihak yang melaporkan akan dilindungi.
- 1.4 Polisi ini diwujudkan selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), dan mana-mana undang-undang yang berkaitan yang berkuatkuasa.

2. Tafsiran

- 2.1 "Pemberi Maklumat" bermaksud mana – mana pihak yang membuat laporan atau aduan berkenaan salah laku atau kelakuan tidak wajar

terhadap mana – mana staf dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan Universiti;

2.2 “Salah Laku” bermaksud apa – apa kelakuan yang tidak menepati kaedah – kaedah dan peraturan – peraturan Universiti;

2.3 “Kelakuan Tidak Wajar” bermaksud apa – apa kelakuan yang salah di sisi undang – undang dan salah dari segi moral termasuk dan tidak terhad kepada rasuah, pecah amanah, gangguan (dari segi seksual dan lain – lain) serta apa - apa kelakuan yang boleh dianggap sebagai kelakuan tidak wajar atau kelakuan jenayah;

2.4 “Maklumat Sulit” termasuklah:-

2.4.1 Maklumat berkenaan identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja atau tempat beradanya seseorang Pemberi Maklumat dan orang yang diadukan;

2.4.2 Maklumat yang didedahkan oleh Pemberi Maklumat;

2.4.3 Maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan kemudaratan kepada mana – mana orang.

3. Skop Polisi

3.1 Polisi ini direka/dibangunkan bagi membantu staf dan pelajar untuk membuat pendedahan dan aduan berkenaan dengan salah laku atau kelakuan tidak wajar supaya tindakan sewajarnya boleh diambil oleh pihak Universiti. Salah laku dan kelakuan tidak wajar termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:-

3.1.1 Penipuan;

- 3.1.2 Melakukan pekerjaan luar tanpa izin;
 - 3.1.3 Sogokan;
 - 3.1.4 Gagal untuk mendedahkan kepentingan;
 - 3.1.5 Salah guna kuasa;
 - 3.1.6 Menyebabkan kerugian kewangan oleh pihak Universiti;
 - 3.1.7 Kecurian atau penyelewengan;
 - 3.1.8 Salah guna harta benda Universiti;
 - 3.1.9 Penerbitan dokumen – dokumen sulit;
 - 3.1.10 Gangguan seksual;
 - 3.1.11 Ingkar perintah dan peraturan.
- 3.2 Senarai – senarai di atas termasuk apa – apa kelakuan atau kelalaian, yang mana jika dapat dibuktikan, boleh menjurus kepada tindakan tatatertib di bawah Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Kaedah – kaedah serta peraturan Universiti sedia ada hendaklah beroperasi mengikut tujuan dan objektif kewujudannya.

4. Prosedur Pendedahan/Pemberian Maklumat

- 4.1 Mana – mana pihak yang percaya bahawa terdapat salah laku atau kelakuan tidak wajar berlaku atau yang akan berlaku boleh membuat aduan melalui saluran berikut :-
- 4.1.1 dengan menghantar emel secara langsung ke emel rasmi Unit Integriti dan Pematuhan iaitu di (integrity@umpsa.edu.my) ;
atau
 - 4.1.2 dengan menggunakan sistem pengurusan aduan UMPSA (SISSPA).

- 4.1.3 dengan Walk-In ke pejabat Unit Integriti dan Pematuhan UMPSA
- 4.2 Setiap aduan atau tuduhan perlulah disertakan bersama dengan bukti (jika ada) untuk memastikan bahawa setiap aduan atau tuduhan boleh disiasat secara adil dan menyeluruh.
- 4.3 Semua pendedahan atau aduan perlulah dibuat mengikut prosedur yang digariskan di bawah polisi ini yang mana ianya diklasifikasikan sebagai SULIT. Segala aduan atau pendedahan yang dilakukan di saluran selain dari saluran yang dibenarkan tidak akan dilayan.

5. Perlindungan terhadap Pemberi Maklumat

- 5.1 Pemberi Maklumat berhak mendapatkan perlindungan seperti berikut:-
 - 5.1.1 Perlindungan kerahsiaan identiti;
 - 5.1.2 Perlindungan terhadap sebarang tindakan buruk atau tindakan yang memudaratkan yang merangkumi:
 - 5.1.2.1 Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - 5.1.2.2 Ugutan atau gangguan;
 - 5.1.2.3 Gangguan terhadap pekerjaan Pemberi Maklumat termasuk diskriminasi, penamatan/pemecatan perkhidmatan yang tidak adil, penurunan pangkat, gantung kerja, layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan Pemberi Maklumat atau pengambilan tindakan tatatertib; dan

- 5.1.2.4 Suatu ancaman untuk mengambil tindakan yang disebut dalam perenggan 5.1.2.1 hingga 5.1.2.3 di atas.

- 5.2 Perlindungan tersebut akan diberikan walaupun siasatan mendapati bahawa Pemberi Maklumat telah melakukan kesilapan dari sudut fakta dan peraturan yang terlibat.

- 5.3 Di bawah Polisi ini, identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi oleh pihak Universiti, dengan syarat bahawa setiap pendedahan dibuat dengan niat yang baik.

- 5.4 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat juga akan terbatal sekiranya UMPSA mendapati bahawa:
 - 5.4.1 Pemberi Maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar dan/atau salah laku yang didedahkan itu;

 - 5.4.2 Pemberi Maklumat memberikan aduan palsu dengan niat yang tidak baik. Tindakan sewajarnya akan dikenakan kepada Pemberi Maklumat jika dia didapati dengan sengaja membuat pengaduan yang dia percaya adalah palsu atau berniat jahat;

 - 5.4.3 Pendedahan kelakuan tidak wajar dan/atau salah laku itu adalah remeh dan menyusahkan;

 - 5.4.4 Pendedahan kelakuan tidak wajar mempersoalkan merit dasar UMPSA;

- 5.4.5 Pendedahan yang dibuat semata-mata atau sebahagian besar untuk mengelak daripada dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan disiplin;
- 5.4.6 Pemberi Maklumat mendedahkan diri sebagai Pemberi Maklumat kepada pihak lain selain unit Integriti;
- 5.5 Sekiranya pihak Universiti gagal untuk memberikan perlindungan sewajarnya kepada Pemberi Maklumat, maka tindakan disiplin boleh dikenakan terhadap pegawai yang terlibat menurut peraturan disiplin bagi staf.
- 5.6 Sebarang pendedahan yang tidak bernama tidak akan dilayan. Mana – mana staf atau pelajar yang ingin membuat aduan berkenaan salah laku dan kelakuan tidak wajar perlulah mendedahkan identiti mereka supaya perlindungan dapat diberikan kepada mereka.
- 5.7 Walau apapun bentuk perlindungan yang diberikan kepada Pemberi Maklumat seperti yang dinyatakan dalam polisi ini, UMPSA tidak menjanjikan perlindungan yang sama kepada mana-mana pihak di luar bidang kuasa UMPSA.

6. Pemberitahuan Keputusan

Pemberi Maklumat akan menerima maklum balas sewaktu dan selepas siasatan dijalankan melainkan pendedahan siasatan kepada Pemberi Maklumat boleh menjejaskan siasatan. Pemberi Maklumat akan diberitahu berkenaan keputusan pendedahan yang dibuat.

7. Tarikh Kuatkuasa

Polisi ini akan berkuatkuasa pada 25 November 2023.

8. Pindaan

Pihak pengurusan universiti berhak membuat sebarang pindaan yang berkaitan bagi polisi ini dari semasa ke semasa.